

22/01/2001

Dr M belum putuskan sistem giliran KM Sabah

KOTA KINABALU, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau masih memikirkan sama ada akan mengekalkan atau tidak sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah yang diamalkan sekarang.

"Saya belum menetapkan fikiran saya lagi," katanya kepada wartawan ketika ditemui sewaktu singgah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, di sini petang ini.

Beliau yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dalam perjalanan pulang ke Kuala Lumpur selepas lawatan rasmi ke Osaka, Jepun.

Ditanya apakah sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri itu diteruskan, Perdana Menteri berkata: "Setakat ini, sistem itu masih dilaksanakan."

Beliau juga tidak menyatakan sama ada selepas ini giliran bagi wakil Bumiputera bukan Islam pula menyandang jawatan Ketua Menteri.

"Kalau saya cerita habis, tak payah cakaplah...," katanya.

Menjawab soalan sama ada beliau sudah memikirkan pengganti Ketua Menteri Sabah berikutan penyandang jawatan itu sekarang hampir tamat tempohnya, Dr Mahathir menjawab: "Kita sedang memikirkannya."

Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri itu dimulakan selepas pilihan raya negeri 1994.

Sistem itu bagi membolehkan pemimpin tiga kaum utama - Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam - dilantik sebagai Ketua Menteri secara bergilir, masing-masing bagi tempoh dua tahun.

Ketika ini, Datuk Osu Sukam menyandang jawatan itu bagi kuota Bumiputera Islam dan penggal dua tahunnya dijadualkan berakhir pertengahan Mac depan.

Bagaimanapun, beberapa pihak di Sabah kebelakangan ini berpendapat sudah sampai masanya kajian semula dilakukan terhadap sistem itu bagi menilai sama ada ia perlu diteruskan atau sebaliknya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata Kerajaan Persekutuan akan menimbang permintaan kerajaan Sabah bagi mendapatkan peruntukan RM20 bilion untuk pelbagai projek pembangunan sepanjang Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

Perdana Menteri berkata, jumlah itu mencatat peningkatan dua setengah kali ganda berbanding RM8 bilion yang diberi dalam rancangan pembangunan negeri sebelum ini.

"Kita akan timbang (permohonan itu) mengikut kemampuan kita. Keperluan negeri lain dan Kerajaan Pusat perlu diambil kira," katanya.

Perdana Menteri mengadakan perjumpaan dengan Osu dan anggota Kabinet negeri sejurus tiba di sini hari ini.

Ditanya mengenai pertemuan itu, Dr Mahathir berkata kerajaan Sabah mengemukakan beberapa permohonan kepada Kerajaan Pusat dan projek tertentu, termasuk projek kertas dan palpa di Kalabakan, Tawau, serta projek kilang besi Nusantara Steel di Kudat.

Projek kilang kertas dan palpa di Kalabakan membabitkan pelaburan RM4.56 bilion dan akan dibangunkan secara usahasama oleh Innoprise Corporation Sdn Bhd (ICSB), sayap perniagaan Yayasan Sabah, dengan syarikat Ching Fuxing Pulp and Paper Industries Limited (CFPPIL) dari China serta syarikat berpejabat di Kuala Lumpur, Lion Group.

Projek kilang besi yang dicadang dibina di Kudat pula dikatakan membabitkan pelaburan RM1 bilion.

Mengenai kemajuan projek kilang kertas dan palpa itu, Dr Mahathir berkata pada keseluruhannya ia berjalan lancar dan hanya terdapat beberapa isu kecil yang perlu diselesaikan.

"Saya yakin ia (isu kecil itu) boleh diselesaikan... kebanyakan isu

berkaitan sudah pun diselesaikan," katanya.  
(END)